

Bil. S 30

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH PENCEN CARUMAN TAMBAHAN (PINDAAN) (BIL. 2), 2014

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

1. Gelaran dan permulaan kuat kuasa.
 2. Pindaan bab 1 dari S 38/2010.
 3. Pindaan bab 2.
 4. Pemansuhan bab-bab 3 dan 4.
-

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH PENCEN CARUMAN TAMBAHAN (PINDAAN) (BIL. 2), 2014

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran dan permulaan kuat kuasa.

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Pencen Caruman Tambahan (Pindaan) (Bil. 2), 2014 dan hendaklah mula berjalan kuat kuasanya pada 1hb April 2012.

Pindaan bab 1 dari S 38/2010.

2. Bab 1 dari Perintah Pencen Caruman Tambahan, dalam Perintah ini disebut sebagai Perintah utama, adalah dipinda, dalam ceraiian {2}, dengan memotong “untuk menubuhkan dan memperbadankan Lembaga Pencen Caruman Tambahan,” dari baris-baris pertama dan kedua.

Pindaan bab 2.

3. Bab 2 dari Perintah utama adalah dipinda, dalam ceraiian {1}, dengan memotong takrifan “Lembaga” dan menggantikannya dengan takrifan baru yang berikut —

“ “Lembaga” bermakna Lembaga Tabung Amanah Pekerja yang ditubuhkan di bawah bab 3 dari Akta Tabung Amanah Pekerja (Penggali 167);”.

Pemansuhan bab-bab 3 dan 4.

4. Perintah utama adalah dipinda dengan memansuhkan bab-bab 3 dan 4.

Diperbuat pada hari ini 6 haribulan Sya’aban, Tahun Hijrah 1435 bersamaan dengan 4 haribulan Jun, 2014 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM